

SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/09/29_48 (HQ)

TNB MEMPERCEPAT KOMITMEN 3 PROJEK UTAMA NETR DALAM TEKNOLOGI BERSIH BERSKALA BESAR DAN ZON TENAGA BOLEH BAHARU

- Demi pemeraksanaan negara, TNB menyasarkan 3,000MW TBB di bawah NETR menjelang 2040.
- Dalam menerajui kemampanan, TNB laksanakan teknologi pembakaran bersama seawal 2024 di loji arang batu terpilih.
- Memacu pertumbuhan boleh baharu, TNB komited menambah 1,200MW kepada kapasiti TBB domestik menjelang 2025.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengorak langkah penting dalam komitmennya memacu tenaga boleh baharu (TBB) berskala besar dan inisiatif teknologi bersih, dengan menerajui tiga projek utama yang digariskan oleh Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR).

Pada taklimat terbaharu kepada penganalisis mengenai keputusan kewangan suku kedua, **Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din** mengumumkan fungsi TNB sebagai peneraju projek Taman Solar Berskala Besar (LSSP), Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS), serta pembakaran bersama hidrogen dan ammonia, yang kesemuanya penting untuk memajukan agenda hijau negara sambil memupuk pertumbuhan ekonomi.

"Pelan Peralihan Tenaga TNB sejajar dengan NETR, menekankan pada tiga bidang utama: mempercepatkan penyahkarbonan, membangunkan grid rentas sempadan yang fleksibel dan memperkasakan elektrifikasi dan prosumer rentas sektor."

Baharin mendedahkan pelan TNB untuk menjana 3,000 megawatts (MW) TBB menjelang 2040 dalam lingkungan projek utama NETR. Ini termasuk memanfaatkan 2,500MW atau 2.5 gigawatt (GW) melalui teknologi inovatif HHFS di samping 500MW tambahan daripada lima LSSP berbeza, masing-masing mempunyai kapasiti 100MW.

Hibrid Solar Terapung Hidro (HHFS)

"Projek HHFS akan dilaksanakan dalam empat fasa mulai 2023 hingga 2040 dan ditempatkan secara strategik di empangan hidro TNB. TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) akan mengetuai pemasangan berkapasiti 230MW di loji hidro Temenggor dan Chenderoh sebagai sebahagian daripada pelan projek 2.5GW. Projek ini dijangka siap menjelang 2025.

Taman Solar Berskala Besar (LSSP)

Baharin mendedahkan Bahagian Tenaga Baharu (NED) TNB sedang menyokong Program Tenaga Hijau Korporat (CGPP), yang ditetapkan untuk menjana 90MW apabila mula beroperasi pada 2025. Program ini memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk penyelesaian tenaga mampan melalui LSSP, melengkapinya projek sedia ada di Sepang, Selangor (50MW), dan Bukit Selambau (30MW) serta Bukit Selambau 2 (50MW), Kedah yang dijangkakan beroperasi sepenuhnya hujung tahun ini.

Pembakaran bersama Hidrogen dan Ammonia

TNB berganding dengan PERTRONAS untuk projek pembakaran bersama hidrogen dan ammonia serta bekerjasama dengan Mitsui & Chugoku bagi inisiatif ammonia dan biojisim, bertujuan mempelbagaikan sumber portfolio tenaganya. "Projek pembakaran bersama berskala kecil sedang dijalankan di loji arang batu terpilih di Port Dickson, Negeri Sembilan (Jimah East Power), dan Lumut, Perak (Manjung 1 dan Manjung 4). Fasa Reka Bentuk Kejuruteraan Front End (FEED) ini berfungsi sebagai prasyarat penting untuk pelaksanaan pembakaran bersama, dan kami menyasarkan aset arang batu tertentu."

TNB berada di landasan yang tepat untuk mencapai sasaran 8.3GW TBB menjelang 2025. Baharin menambah, "Sehingga Jun 2023, kami telah mencapai 48 peratus daripada jumlah kapasiti sasaran kami. Ini termasuk projek NETR Bahagian 1, kami menjangkakan penambahan satu lagi TBB domestik berkapasiti 1,200MW menjelang 2025. Kami penuh yakin bahawa TBB domestik akan memainkan peranan penting dalam portfolio kami, selari dengan objektif negara mencapai 70 peratus kapasiti TBB terpasang menjelang 2050."

TNB sedang giat memupuk perkongsian dengan rakan serantau untuk menyokong realisasi Grid Tenaga ASEAN (APG). Baharin menyatakan, "Kami telah memeterai 10 Memorandum Persefahaman dan Surat Niat, menandakan komitmen kami untuk memajukan pembangunan infrastruktur salinghubung dan pelaburan tenaga boleh baharu." Ini menandakan dedikasi TNB terhadap kerjasama serantau dan kemajuan tenaga mampan.

Baharin menekankan bahawa inisiatif NETR ini bukan sahaja akan menyumbang secara signifikan kepada ekonomi negara tetapi juga memenuhi aspirasi karbon sifar bersih negara. Katanya, "Kami berbangga dengan keupayaan TNB yang menyumbang dengan ketara melalui penglibatan dalam projek penting, sekaligus memastikan kesediaan Grid kami untuk menghadapi cabaran masa depan."

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 29 September 2023 jam 10:00 am

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din (tengah); Ketua Pegawai Kewangan TNB, Nazmi Othman (kanan) dan Ketua Pegawai Operasi TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (kiri), ketika memberi taklimat terkini kepada penganalisis mengenai keputusan kewangan suku kedua Kumpulan di ibu pejabat TNB di Bangsar.